

04 FEB 2003

LEAD Mahathir-Cameron Highlands

UNDANG-UNDANG MEMULIHARA ALAM SEKITAR TIDAK BERKESAN, KATA DR M

PUTRAJAYA, 4 Feb (Bernama) -- Undang-undang yang sedia ada bagi memulihara alam sekitar, yang hanya mengenakan denda, tidak berkesan dan perlu diperketatkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya tidak tahu apa undang-undang yang kita ada (sekarang) tapi kalau ada undang-undang yang boleh masukkan mereka ini (pemaju atau penceroboh tanah) dalam penjara barulah saya ingat berkesan.

"Kalau setakat bayar denda sahaja ia tak berkesan," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas melancarkan perayaan ulang tahun kedua Putrajaya dan merasmikan Taman Botani Putrajaya di sini hari ini.

Jumaat lepas, sebuah akhbar melaporkan bahawa sekumpulan syarikat menggunakan peralatan berat secara haram untuk meratakan satu kawasan yang dahulunya adalah sebahagian daripada ladang teh Blue Valley di Cameron Highlands.

Ini dilakukan walaupun Majlis Daerah Cameron Highlands telah mengeluarkan dua perintah menghalang kerja itu. Ekoran itu, Jabatan Tanah dan Galian Negeri telah membuat laporan polis.

Ditanya mengapa pegawai daerah kawasan berkenaan tidak memantau pembangunan kawasan itu, Dr Mahathir berkata: "Terpulang kepada mereka untuk menyiasat siapa yang salah."

Bercakap mengenai Taman Botani, beliau berkata taman itu bertujuan untuk memupuk kesedaran alam sekitar dan kekayaan sumber botani yang ada di negara ini di kalangan generasi muda.

"Saya dapati ia (taman itu) mempamerkan jumlah pokok-pokok yang lebih daripada yang kita biasa tengok di taman-taman botani tropika yang lain," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menyuarakan rasa sedih dengan pembangunan di Cameron Highlands yang mengabaikan soal alam sekitar sehingga menjejaskan keindahan kawasan itu.

Perdana Menteri berkata beliau kecewa kerana sebahagian tempat sudah diratakan sehingga ia tidak lagi kelihatan sebagai kawasan bukit bukau sebaliknya menjadi kawasan tanah pamah.

Katanya pembangunan Cameron Highlands yang berlaku sekarang ini pastinya juga menjejaskan iklim di kawasan itu.

"Inilah cara sesetengah orang yang terlalu ghairah untuk mendapat keuntungan yang besar. Mereka tidak menghiraukan 'environment' (alam sekitar) dan mereka sanggup untuk menjadikan bukit sebagai tanah rata dan dengan itu segala kecantikan dan keindahan bukit akan hilang," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak faham kenapa pemaju mencari bukit untuk membangunkan sesuatu projek sedangkan, untuk memajukannya, bukit berkenaan terpaksa diruntuhkan.

Katanya jika pemaju hendak menjadikan kawasan bukit sebagai kawasan pembangunan, ia tidak sepatutnya diratakan dengan menebang segala pokok dan tumbuh-tumbuhan sehingga tidak lagi menampakkan identitinya sebagai bukit.

Jika ia diratakan, segala kecantikan bukit dan kehijauan pokok akan hilang dan ia tidak berbeza dengan kawasan-kawasan lain yang terdapat di tanah rata, kata Dr Mahathir yang beberapa kali menegur pembangunan tanah tinggi yang mengeneipikan soal alam sekitar.

Sebaliknya, Dr Mahathir merujuk kepada pembangunan di Putrajaya kerana kawasan seluas 4,500 hektar itu yang dulunya kawasan kelapa sawit, masih mengekalkan ciri-ciri kehijauan serta mempunyai taman-taman dan tasik yang dibina di sekitarnya.

Katanya Putrajaya yang merupakan pusat pentadbiran kerajaan persekutuan, dibangunkan dengan penuh prihatin untuk memelihara dan menyelamatkan pokok-pokok sehingga ia menjadi satu kawasan menarik.

"Harga tanah di sini akan meningkat kerana sebahagian besar telah menjadi taman dan tasik. Kita harus sanggup membayar lebih sedikit kerana keindahan kawasan ini," katanya.

Beliau berkata walaupun Putrajaya masih dalam proses pembinaan, ia tidak kelihatan seperti satu kawasan pembinaan, sebaliknya ia seolah-olah sebuah bandar besar yang sudah matang.

Sebanyak 30,000 orang termasuk Dr Mahathir, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta ramai pegawai dan kakitangan kerajaan kini tinggal di Putrajaya.

Perdana Menteri juga berharap "boulevard", sebatang jalan besar sepanjang 4.5 km dari Jabatan Perdana Menteri ke pusat persidangan yang dihiasi pokok-pokok, dapat disiapkan tahun ini dan digunakan untuk perarakan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini.

Beliau yakin boulevard itu akan menjadi satu identiti baru negara seperti boulevard "Champs Elysees" di Paris yang menjadi tempat perarakan hari kebangsaan negara itu.

Antara yang hadir pada sambutan itu Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta para menteri dan timbalan menteri.

-- BERNAMA

HS SR AZZ LAT